

20 JUL 2000

Benci-reaksi

PELBAGAI PIHAK KECAM PENGHASUT SUPAYA MEMBENCI KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pelbagai pihak yang mewakili persatuan agama bukan Islam, belia, pelajar, ahli perniagaan dan akademik hari ini menyatakan kesal terhadap pihak yang menghasut rakyat supaya membenci kerajaan.

Mereka juga mahu supaya tindakan diambil terhadap "penghasut" terbabit sebelum ia memburukkan lagi keadaan hingga menggugat keselamatan negara.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata perbuatan menghasut rakyat membenci kerajaan harus dihentikan.

Katanya, ada dua kesan yang boleh berlaku jika tindakan awal tidak diambil, perbuatan menghasut itu akan terus merosakkan perpaduan kaum dan kemungkinan pihak lain mengambil langkah yang sama (menghasut) memandangkan penguatkuasaan diabaikan.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi bahawa peristiwa rompakan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah di dua kem tentera di Grik, dan diikuti dengan pembunuhan dua tebusan berpunca daripada tindakan politik kebencian terhadap kerajaan oleh pihak tertentu.

Beliau berkata politik kebencian ini dimulakan pihak terbabit sejak berpuluh tahun lepas hingga menyebabkan ada kumpulan rakyat yang begitu bencikan kerajaan dan sanggup bertindak ganas.

Presiden Majlis Permesyuaratan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Encik A.Vaithiligam berkata majlis itu amat bimbang dengan kejadian tersebut.

"Kami berkongsi kebimbangan itu dengan Perdana Menteri, bagaimanapun kami berharap rakyat dari pelbagai agama di negara ini dapat berkumpul dan mengadakan dialog, kerana kefahaman dapat mengelakkan ketegangan," katanya.

Menurut beliau hanya dengan kefahaman perasaan buruk sangka sesuatu kumpulan terhadap kumpulan bukan Islam yang lain dapat diredakan.

Ditanya sama ada kumpulan bukan Islam bimbang dengan kejadian itu, beliau berkata, "Kami bimbang tetapi kami dapati majoriti umat Islam mengamalkan persefahaman dan toleransi."

Vaithiligam, yang juga Presiden Hindu Sangam Malaysia, berharap kerajaan akan menubuhkan majlis penasihat agama, yang mana fungsinya termasuk bermesyuarat dari masa ke semasa, dan berkongsi pandangan dan persefahaman dengan lebih baik antara satu sama lain.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahaya pula berkata adalah haram bagi seseorang Islam cuba menceroboh dan merobohkan tempat ibadat orang bukan Islam kerana Islam seharusnya bersifat toleransi.

Katanya, hanya pihak berkuasa dan kerajaan sahaja yang boleh melakukan tindakan termasuk merobohkan tempat-tempat yang dilarang Islam, seperti kilang membuat arak kerana itu adalah dalam bidang kuasa pemerintah.

Presiden Gabungan Pelajar-pelajar Malaysia Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim berkata kawalan perlu diambil terhadap pihak yang dikesani menghasut rakyat membenci kerajaan sebelum ia menjadi serius.

"Lebih baik dikawal lebih awal jika tidak ia menjadi seperti di sebuah negara jiran, yang mana golongan tertentu bertindak ganas hingga sukar dikawal," katanya.

Beliau meminta agar Majlis Agama Islam tidak lepas tangan dalam hal ini atau memandang remeh kejadian itu tetapi sebaliknya memberi perhatian pada setiap masa dan bukan masa-masa tertentu sahaja.

Ketua Pemuda Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), T. Murugiah meminta agar kerajaan menasihati ulama dan penceramah agama memberikan

nasihat kepada orang Islam supaya mereka tidak terlalu fanatik ataupun membenci orang bukan Islam.

Suatu suasana persaudaraan di kalangan orang Malaysia tanpa mengira kaum perlu diwujudkan, katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, Pemuda PPP meminta kerajaan mengambil tindakan keras terhadap anggota politik yang sengaja menggunakan sensitiviti agama semata-mata untuk mendapatkan sokongan politik dengan cara mengkritik agama lain.

"Pemuda PPP berpendapat Malaysia telahpun mengamalkan pemerintahan Islam, tambahan pula Islam sendiri melarang umatnya melakukan kezaliman seperti membunuh, menipu dan melakukan perkara-perkara keji. Kami juga mengakui dan memahami orang bukan Islam tidak pernah mengganggu atau menghalang orang Islam daripada melakukan amalan sebagai orang Islam," katanya.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Datuk Syed Amin Al Jeffri meminta semua usahawan Melayu supaya jangan mudah terpedaya dengan hasutan pihak tertentu untuk membenci kerajaan, tetapi sebaliknya mereka hendaklah berjihad terhadap diri sendiri dengan mematuhi perintah Allah selain berjihad dalam memastikan kejayaan perniagaan masing-masing.

Beliau kesal ada segelintir rakyat yang mudah terpedaya dengan hasutan pihak itu yang mempunyai tujuan politik.

Di JOHOR BAHRU, Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia Johor, Md Noh Atan pula berkata kerajaan harus sentiasa memantau perkembangan kumpulan-kumpulan yang mahu menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat supaya kegiatan itu dapat dibendung di peringkat awal.

Beliau juga mencadangkan agar Skim Rukun Tetangga (SRT) dapat digerakkan semula secara aktif di semua kawasan perumahan sebagai langkah mengesan aktiviti yang tidak sihat dan boleh mencetuskan keadaan huru-hara.

Ketua Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar pula kesal dengan sikap parti pembangkang yang mempolitikkan isu kumpulan Al-Ma'unah dengan membelakangkan kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhan.

Beliau berkata sepatutnya pihak pembangkang turut sama dengan kerajaan membanteras kegiatan kumpulan itu demi kesejahteraan negara dan rakyat tetapi sebaliknya mereka menggunakan isu itu untuk kepentingan peribadi serta parti masing-masing.

Presiden Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia, Muhamad Mustapha meminta kerajaan segera mengharamkan kumpulan Al-Ma'unah dan mengeluarkan Kertas Putih mengenainya.

Pihak berkuasa perlu membuat tindakan susulan terhadap keputusan yang dibuat terhadap kumpulan berkenaan, katanya.

"Sementara itu, saya menyeru kepada semua guru, jika terlibat dalam pergerakan seumpama itu, agar kembali ke pangkal jalan dan bertaubat," kata Muhamad.

Di Alor Setar, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang ditemui dalam satu majlis berkata tindakan anggota Al-Ma'unah itu tercetus hasil daripada kempen dan ceramah yang dijalankan oleh Pas dengan menanam kebencian kepada kerajaan yang kononnya tidak Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang turut ditemui di Alor Setar berkata tindakan kumpulan itu menembak kilang arak adalah untuk menagih simpati orang Islam dan ini jelas menunjukkan niat Al-Ma'unah untuk menimbulkan huru-hara seperti yang berlaku di negara jiran.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berkata rakyat harus mengutuk perbuatan kumpulan Al-Ma'unah dan penghasut yang cuba menimbulkan huru-hara di negara ini.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata orang ramai khususnya masyarakat Islam jangan terpengaruh dengan orang yang

berbuat sesuatu dengan berselindung di sebalik nama Islam tanpa menyiasatnya.

"Jika tidak, akhirnya orang Islam akan diperalatkan oleh golongan tertentu," katanya.

Beliau juga mempersoalkan mengapa parti pembangkang takut untuk membidas dan mengutuk kumpulan Al-Ma'unah sedangkan telah nyata bahawa anggota kumpulan itu merampas senjata, menjadikan anggota keselamatan dan orang kampung sebagai tebusan dan membunuh tebusan mereka.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menafikan anggota PAS menjadi anggota Kumpulan Al Ma'unah yang didakwa cuba membuat huru hara di neagara ini meminta kerajaan segera menyiasat punca dan sebab yang mendorong "pihak tertentu" bertindak membenci kerajaan.

"Tindakan kumpulan Al Ma'unah ini bukannya dari anggota PAS," katanya kerajaan tidak boleh menyandarkan kebencian di kalangan rakyat kepada parti pembangkang sebaliknya bertindak dengan segera bagi mengenal pasti di manakah silap kerajaan hingga menyebabkan timbul kebencian itu.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang berkata pihak berkuasa harus mengeluarkan maklumat penuh berkaitan kejadian menembak sebuah kuil dan kilang arak oleh kumpulan Al-Ma'unah itu.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional tidak seharusnya menyembunyikan maklumat, sama ada maklumat rompak senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah atau kejadian penting yang lain, kerajaan seharusnya menghormati hak rakyat untuk mengetahui sesuatu perkara yang berlaku.

-- BERNAMA

AZ BD ARA AKT BH ANM SM JM MAN MZM RI